

Hujan lebat, cuaca lembap diramal hingga 22 November

Kuala Lumpur: Hujan lebat dan cuaca lembap berterusan dijangka terus melanda beberapa negeri sehingga 22 November ini berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia).

Keadaan cuaca sedemikian dialami sejak beberapa hari lalu namun taburan hujan dilaporkan bukan luar biasa sehingga menyebabkan sesetengah kawasan di beberapa negeri, antaranya Selangor, Johor, Perak dan Sarawak, dilanda banjir.

Ketua Pengarah METMalaysia, Datuk Che Gayah Ismail, ketika dihubungi *BH* semalam, berkata taburan hujan adalah pada kadar biasa dan banjir kilat yang melanda mungkin berpunca daripada pelbagai faktor lain seperti masalah sistem perparitan dan kesan pembangunan.

"Cuaca lembap akan berterusan sehingga 22 November ini dan hujan pada waktu pagi dijangka di kawasan pantai di pantai timur Semenanjung, Sarawak dan timur Sabah. Pada waktu petang dan malam, hujan serta ribut petir dijangka di kebanyakan tempat seluruh negara, termasuk Sarawak dan barat Sabah," katanya.

Katanya, analisis terkini mendapati kemungkinan tidak berlaku luruan sejuk di kawasan pantai timur Semenanjung dalam tempoh terbabit, sekali gus tidak membawa hujan lebat yang membawa kepada risiko banjir.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Hanapi Mohamad Noor, berkata tujuh sungai di Selangor mencatatkan pening-

katan paras air, termasuk dua mencapai paras bahaya, iaitu Sungai Klang di Kampung Jawa dan Batu Tiga, Shah Alam.

Lima sungai melepasi paras amaran, katanya, ialah Sungai Damansara di Taman Tun Dr Ismail Jaya, Sungai Damansara di Kampung Melayu Subang, Sungai Penchala di Kampung Gandhi, Country Homes di Rawang dan Sungai Liam di Ulu Yam, manakala sungai lain di seluruh negara masih pada tahap amaran.

"Lima empangan sudah melepasi aras maksimum sehingga melimpah ke sungai di bahagian hilir, antaranya Empangan Ulu Kinta, Perak; Empangan Muda dan Empangan Beris, Kedah; Empangan Tasik Subang, Selangor dan Empangan Klang Gates, Kuala Lumpur," katanya.